

Impak negatif jual tanah lot

Wujud pembangunan tidak terancang, pembeli berdepan masalah apabila maklumat diberi tidak tepat

BANTING - Budaya menjual tanah lot dalam kalangan penduduk kampung yang inginkan keuntungan segera dilihat mengundang pelbagai masalah.

Tinjauan *Sinar Harian* melalui beberapa wakil ketua kampung sama ada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Negeri (JKKN) mendapati, ada isu tanah lot yang dijual penduduk memberi kesan negatif kepada pembeli apabila maklumat diberi tidak tepat.

Sehubungan itu, ketua kampung di Kuala Langat memohon supaya ada pihak yang dapat tampil membantu pembeli yang sering berdepan pelbagai masalah tanah.

Bagi Pengerusi JKKKP

Batu 10 Kebun Baharu, Jamuri Mohd Ihsan berkata, beliau menerima banyak kes yang akhirnya menyebabkan pelbagai kemudahan tidak dapat diselenggara dengan baik.

Menurutnya, penjual biasanya menjual tanah dengan harga RM35,000 hingga RM45,000 satu lot, keadaan itu kadang kala mendorong pemaju membina kawasan perumahan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Jadi, jika ada pihak yang boleh bantu selesaikan masalah ini, pelbagai prasarana dapat diwujudkan termasuk sistem saliran, laluan jalan dan kemudahan elektrik.

"Ia kerana ada pemaju yang ambil keputusan untuk bina rumah di atas tanah berstatus rizab Melayu bagi membantu Melayu mendapat kemudahan yang terbaik," katanya.



ROKMAN

Pengerusi JKKP Banting, Rokman Ishak berkata, beliau tidak menafikan usaha membangunkan tanah rizab Melayu memberi peluang kepada masyarakat mendapat kediaman ideal dilengkapi pelbagai kemudahan yang lebih berkualiti mengikut citarasa pembeli.

Namun, berlaku pembangunan tidak terancang berpunca daripada penjual-



JAMURI

an tanah lot oleh penjual yang mahu untung cepat.

"Saya tak faham ada pembeli ambil kesempatan bila orang kampung jual tanah lot.

"Sepatutnya, mereka perlu berhubung dengan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat supaya tiada masalah berlaku," katanya.

Dalam pada itu, Ketua



KANDAR

Kampung Sungai Lang Tengah, Kandar Sadiman berkata, jual beli tanah lot tidak menjadi masalah jika beberapa perkara diberi perhatian.

"Penjualan tanah lot memang berleluasa. Penjual sepatutnya memikirkan pelbagai perkara termasuk menyemak status, syarat nyata tanah dan sekatan ke atas tanah bagi mengelakkan penipuan,"

katanya.

Sebelum ini, dalam hebah-an menerusi *Facebook*, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat memaklumkan pembeli perlu bertanya penjual tanah telah membuat permohonan menukar syarat pertanian kepada syarat bangunan kediaman atau tidak.

Pembeli juga perlu menentukan sama ada penjual tanah telah membuat permohonan pecah sempadan selain memastikan penjual tanah mendapatkan kelulusan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti diikhdankan pemaju tanah.

Pihak Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat turut berharap penduduk segera menyemak di Unit Pembangunan Tanah Pejabat Tanah Kuala Langat jika ada keraguan.